

Lembaran Pendedahan Produk

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Jentera Berat. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

INSURANS JENTERA BERAT

1. Apakah produk ini ?

Polisi ini akan memberikan pampasan jika jentera mudah alih anda seperti Excavator, Kren bergerak (Mobile Crane), Traktor, mesin pengangkat (forklift), Jentolak (Bulldozer), dan lain-lain yang tidak berlesen untuk kegunaan di jalanraya mengalami kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan ?

Polisi ini menawarkan perlindungan kepada jentera, aksesori-aksesorinya dan alat gantinya terhadap kerugian atau kerosakan akibat:-

- (i) Berlanggar atau terbalik akibat kemalangan
- (ii) Kebakaran, letupan luaran, terbakar dengan sendiri atau kilat
- (iii) Kecurian

Polisi ini juga merangkumi kos perlindungan dan penghantaran jentera yang rosak ke bengkel terdekat sehingga kos setakat RM500.

Dengan bayaran premium tambahan, perlindungan polisi ini boleh dilanjutkan kepada kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril tambahan berikut:-

- Banjir, penurunan & gelinciran tanah
- Penanggalan
- Rusuhan, mogok dan kekecohan awam
- Kehilangan aksesori-aksesori dan alat-alat gantinya tanpa kenderaan dicuri pada masa yang sama

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jenis dan kegunaan jentera, jumlah yang diinsuranskan, umur jentera, jenis risiko-risiko yang anda pilih untuk diinsuranskan dan keperluan pengunderaitan syarikat Insurans.

4. Apa kadar dan caj yang saya perlu bayar ?

Anda perlu membayar sebagai tambahan kepada premium:	Jumlah
a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan	6% daripada premium
b. Duti Setem	RM10.00

Premium yang anda perlu bayar juga termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) yang berjumlah 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui ?

- **Kepentingan Pendedahan** : Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang cadangan anda, seperti insurans, pengalaman kerugian serta modifikasi ke atas keupayaan engine pada kenderaan anda, dll.

Anda perlu memastikan borang cadangan anda adalah lengkap dengan tepat sebagai asas kontrak insurans anda.

- **Jumlah untuk diinsuranskan** – Anda perlu memastikan jentera yang anda diinsuranskan adalah pada jumlah yang sesuai.

Lembaran Pendedahan Produk

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Jentera Berat. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

- **Kesan dari jumlah diinsuranskan tidak mencukupi** – Jika jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang dari nilai sebenar ketika berlakunya kerugian, anda dianggap menginsurans di bawah nilai dan telah menginsurans sendiri perbezaan. Syarat purata akan dikenakan jika ada tuntutan.
- **Lebihan** – Jumlah yang perlu anda menanggung sebelum pihak kami membayar pampasan.
- **Premium Warranti** – Premium mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini ?

Polisi ini tidak melindungi:-

- Kerugian atau kerosakan tertentu seperti:-
 - Luaran had wilayah
 - Semasa jentera tersebut sedang digunakan di jalanraya seperti terdapat dalam Akta Pengangkutan Jalanraya, 1987
 - Semasa dalam perjalanan
 - Semasa jentera tersebut sedang digunakan oleh seseorang yang dibawah pengaruh minuman keras atau dadah
 - Semasa jentera tersebut sedang digunakan untuk berlumba, menetapkan kelajuan pembuatan, demonstrasi percubaan ketahanan atau ujian memecut
- Penukaran oleh penyewa
- Kehilangan aksesori-aksesori dan alat-alat gantinya kecuali jika kenderaan dicuri pada masa yang sama
- Segala kerugian tuntutan, susutan nilai, haus dan lusuh
- Kegagalan atau kerosakan mekanikal atau elektrik
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat
- Peperangan, peperangan sivil
- Mana-mana tindakan keganasan

NOTA

Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini ?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Setelah pembatalan dilakukan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya ?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat dihantarkan pada masa yang ditetapkan.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan ?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh dengan secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan ?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen-dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang dilantik oleh kami untuk menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci ?

Lembaran Pendedahan Produk

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Jentera Berat. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad
(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2034 9888
Fax: 03-2694 5758

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans yang di sediakan ?

- Kebakaran
- Pecah Masuk

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARAN INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/04/2015.